

## **BANK ISLAM BIAYAI PROJEK SOLAR DI PULAU PINANG**

*Perjanjian pembiayaan bernilai RM105.2 juta dengan SVSB untuk memajukan usaha tenaga mampan Malaysia*

**KUALA LUMPUR, Rabu, [15 Januari 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) memperkukuh komitmennya terhadap kemampanan dan pembiayaan bertanggungjawab dengan menandatangani perjanjian pembiayaan bernilai RM105.2 juta dengan Solar Voltech Sdn Bhd (SVSB).

Kerjasama ini menzahirkan komitmen Bank Islam sebagai pemacu agenda tenaga mampan Malaysia, khususnya di Penang, sekali gus mengukuhkan sokongannya terhadap projek tenaga boleh diperbaharui (TBB) sejajar dengan matlamat alam sekitar global.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata "Pembiayaan ini selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan mencerminkan usaha kolektif kami sebagai pemangkin dalam merealisasikan aspirasi Malaysia untuk mencapai karbon sifar bersih menjelang 2025.

"Pembiayaan ini turut membantu Bank Islam mengembangkan portfolio pembiayaan mampan kami yang telah berkembang kepada RM4.96 bilion setakat Oktober 2024. Ini menjadikan jumlah pembiayaan yang diluluskan untuk sektor tenaga boleh diperbaharui mencapai 58.1% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan hijau setakat Oktober 2024. Sebagai peneraju pembiayaan mampan patuh Syariah, kami komited untuk memajukan ekonomi hijau Malaysia sambil mencipta nilai yang berkekalan untuk perniagaan, komuniti dan alam sekitar." tambahnya.

Projek hijau oleh SVSB menyepadukan pelbagai teknologi tenaga bersih yang canggih, termasuk sistem fotovoltai solar, Fotovoltai Bersepadu Bangunan, infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik dan audit tenaga yang komprehensif. Inisiatif ini mengurangkan impak alam sekitar dan mempercepatkan penggunaan teknologi hijau yang inovatif, serta mewujudkan masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan untuk Malaysia.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kanan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Pengarah SVSB, Dato' Mohammad Azhar Hamdan berkata, Kami berbangga dapat bekerjasama dengan Bank Islam dalam projek kritikal ini. Kerjasama ini merupakan bukti usaha kami untuk memajukan agenda TBB Malaysia, di samping menangani ancaman perubahan iklim yang semakin mencabar. Dengan mengintegrasikan penyelesaian tenaga bersih yang canggih, kami berhasrat untuk menetapkan penanda aras untuk inisiatif tenaga mampan di negara ini."

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.

## **Mengenai Solar Voltech Sdn Bhd**

Ditubuhkan pada tahun 2014, Solar Voltech Sdn Bhd (SVSB) adalah anak syarikat milik penuh Penang Development Corporation (PDC) dan PDC Premier Holdings Sdn Bhd. Berpusat di Pulau Pinang, SVSB merupakan peneraju dalam penyelesaian tenaga inovatif, dengan komitmen untuk menangani cabaran tenaga global melalui penerapan teknologi bersih dan boleh diperbaharui. Sebagai Registered Solar PV Investor (RPVI), SVSB menyediakan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dan program pajakan solar yang fleksibel dan inovatif, memacu peralihan ke arah masa depan yang mampan, hijau, dan mudah diakses.